

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 13 RABU 26 MACH, 1969 1389 6 محرم رابو PERCHUMA

ANGKATAN LAUT A.M.D.B. TERIMA PANJI2 KHAS

MUARA. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin selaku Colonel-in-Chief Askar Melayu Di-Raja Brunei telah merasmikan panji2 kapada Pasokan Laut AMDB yang pertama dalam satu upacara khas yang berlangsung di-Muara kelamarin.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat naik ka-atas kapal peronda "Pahlawan" untuk mengibarkan panji2 yang bentok-nya di-reka khas bagi pasokan laut Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Upacara merasmikan panji2 itu kemudian-nya telah diikuti dengan pertunjukan menchari dan menyelamat dari udara dan laut dan pertunjukan itu di-adakan di-saberang pantai Brunei.

Pesawat2 helikopter dan kapal peronda "Pahlawan"



telah mengambil bahagian dalam pertunjukan itu yang bertindak untuk menyelamatkan enam orang yang di-sifatkan sa-bagai terperangkap di-dalam sa-buah kapal terbang kecil yang terhempas di-laut.

Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan pertunjukan itu dengan menaiki pesawat helikopter dan di-temani oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Lt. Col. J.J.H. Simpson.

Ketibaan Duli Yang Teramat Mulia di-pangkalan laut di-Muara telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Adjutant AMDB, Kapitan Musa dan Ketua Pasokan Laut AMDB, Major Paul Bakmand.

Gambar atas: Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan kelihatan sa-telah merasmikan panji2 Pasokan Laut A.M.D.B. yang berkibar megah di-tiang 'Pahlawan'. Panji2 tersebut bertanahkan puteh yang di-buboh sauh, sementara di-penjur sa-belah kanan atas di-buboh panji2 Askar Melayu Di-Raja Brunei, sementara gambar bawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan sedang memeriksa anak2 kapal peronda 'Pahlawan' yang berbaris di-atas kapal tersebut sa-jurus sa-lepas mengibarkan panji2 Pasokan Laut A.M.D.B.

D.Y.M.M. rasmikan komplex pasokan Pulis di-Gadong

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan berangkat ka-Gadong bagi merasmikan pembukaan complex Pasokan Pulis Di-Raja Brunei pada hari Sabtu ini.

Upacara itu akan di-hadhiri juga oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Pegawai2 Kanan Kerajaan serta orang2 kenamaan.

Dalam upacara itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan sa-jurus sa-telah itu akan di-susuli dengan ucapan oleh Pesuruhjaya Pulis, Dato Seri Laila Jasa, Awang J.R.H. Burns.

Sa-bagai merasmikan complex itu, Baginda akan di-junjong untuk membuka tirai yang menutupi batu peringatan pembukaan rasmi complex tersebut dan di-ikuti dengan bacaan do'a selamat.

(LIHAT MUKA 8)

Pembukaan kolam bernang pada hari Ahad depan

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah di-jadualkan merasmikan kolam bernang di-Jalan Berakas pada hari Ahad 30 Mach jam 2.00 petang.

Kolam bernang yang berukoran olympik itu ada-lah sa-bahagian dari rangkaian stadium yang di-chadangkan oleh kerajaan untuk memajukan sokan dan olah raga di-kalangan raayat di-negeri ini.

Ia-nya mula di-buka kapada orang ramai sejak 15 Oktober tahun lalu.

Sa-lepas upacara merasmikan kolam tersebut akan diikuti pula dengan satu pesta bernang di-kolam itu.

Ini termasuk pertunjukan chara2 menyelamat, terjun, menyelam dan lain2 lagi.

Kemunchak dari pesta tersebut ia-lah peraduan lumba bernang yang julong2 kali-nya di-adakan di-negeri ini.

Sa-banyak 20 achara akan di-pertandingkan dalam peraduan tersebut.



BANYAK di-antara kaum Muslimin menganggap bahawa Islam hanya-lah merupakan ajaran2 dan amalan2 dari segi ibadat sahaja, ia-itu dalam bentuk sembahyang, puasa, zakat dan naik haji. Mereka itu agak-nya lupa atau pun mereka itu kurang mengetahui bahawasa-nya ajaran2 Islam itu meliputi segala gerak geri kita dalam hidup ini, termasuk dari segi pergaulan antara sa-sama manusia.

Pernah di-katakan bahawa hak2 Tohan ada-lah berdasarkan rahmat dan hak2 manusia berdasarkan kesempitan, ia-itu sa-seorang Islam yang telah melalaikan hak Tohan atau membuat dosa kerana melanggar perintah Tohan. Sekira-nya orang itu bertaubat maka Tohan akan mema'afkan kesalahan dan dosa orang itu, akan tetapi sa-seorang yang menyakiti orang lain atau yang menganiaya orang lain, maka kesalahan dan dosa orang itu tidak akan di-beri ampun kechuali kalau orang yang teranyaya atau orang yang di-sakiti itu telah mema'afkan-nya kerana kema'afan dan keampunan dalam keadaan tersebut ada-lah menjadi hak orang yang teranyaya itu, sedangkan mengembalikan hak kepada yang ampunya hak itu ada-lah menjadi syarat yang mutlak untuk mendapat keampunan.

Sa-benar-nya hidup dalam pergaulan ada-lah penting dan pergaulan baik sa-sama manu-

Ajaran2 Islam meliputi gerak geri kehidupan

KHUTBAH JUMA'AT

sia sangat-lah penting untuk mendapat keredhaan Tohan dan untuk mendapat rahmat Tohan.

Pernah di-cheritakan bahawa sa-orang lelaki berkata kepada Rassuluallah.

Pergaulan baik sesama manusia sangat-lah penting utk mendapat keredhaan Tohan

"Ya Rassuluallah, Si Polan itu rajin mengerjakan sembahyang, rajin berpuasa dan suka memberi sedekah, akan tetapi dia selalu mengganggu jiran tetangga dengan kata2".

Maka Rassuluallah pun men-

jawab: "Orang itu akan masuk neraka".

Dengan demikian dapat-lah di-ambil kesimpulan bahawasanya pergaulan antara sa-sama manusia hendak-lah menurut tata susila yang baik dan menurut ajaran2 ugama kita.

Dalam hal ini mengetahui dan mengamalkan budi pekerti dan ahlak menurut ajaran2 Islam sangat-lah penting.

Oleh yang demikian, dari segi pendidikan sangat-lah penting supaya anak2 kita diasah dengan ahlak yang mulia dan mempunyai peribadi yang tinggi yang benar2 menurut ajaran Islam.

Antara budi pekerti yang baik menurut ajaran2 ugama

kita, ia-lah supaya kita tidak memandang hina kepada orang lain. Perkara ini telah di-terangkan oleh Tohan dalam suratul Hujurat ayat 11 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman jangan-lah sa-suatu kaum menghina-kan kaum yang lain kerana boleh jadi kaum yang lain itu lebih baik daripada mereka dan jangan-lah pula sa-suatu kumpulan wanita menghina-kan kumpulan wanita yang lain, kerana boleh jadi kumpulan yang lain itu lebih baik daripada mereka dan jangan-lah chachi menchachi sa-sama kamu dan jangan-lah pula panggil memanggil dengan gelar-an yang tidak baik, sa-burok2 nama ia-itu pasak sa-sudah beriman, barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka ada-lah orang yang dzalim."

Oleh yang demikian kita hendak-lah menyedari akan ajaran2 ugama kita dan kita hendak-lah menyedari peribadi sa-bagai sa-orang Islam yang sejati.



BANDAR BRUNEI. — Majlis forum anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Brunei pada 15 Mach lepas.

Tajok yang di-bincangkan dalam majlis tersebut ia-lah 'Ajaran2 Al-Koran Ada-lah Sesuai Dengan Perkembangan Dunia Moden'.

Gambar atas menunjukkan tiga dari empat orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam majlis tersebut. Dari kiri: Awang Abdul Hamid bin Bakal (Pengerusi), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil dan Awang Ahmad bin Haji Bokhari.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Mach, 1969 hingga ka-hari Selasa 1 April, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
26 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
27 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
28 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
29 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
30 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
31 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
1 April		12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-selutroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KEPUTUSAN PENOH SIJIL PERSEKOLAHAN SEBERANG LAUT DAN M. C. E.

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 274 dari 557 orang chalon dari tujuh sekolah dan chalon private di-negeri ini telah lulus dalam peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dan Sijil Pelajaran Malaysia yang telah di-adakan dalam bulan Novermber tahun lalu.

Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai 47 orang mendapat pangkat pertama, 88 orang mendapat pangkat kedua dan 139 orang mendapat pangkat ketiga.

Dalam peperiksaan itu juga sa-ramai 158 orang chalon telah lulus Sijil Am Pelajaran atau G.C.E.

Berikut ini ia-lah chalon2 yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut.

(Ketika di-dapati dua nombor sa-lepas nama sa-seorangan chalon yang berjaya, ini bermakna nombor yang pertama mengenai Sijil Persekolahan Seberang Laut dan nombor kedua mengenai Sijil Pelajaran Malaysia — aliran Ingeris).

MAKTAB S.O.A.S., BANDAR BRUNEI

Lim Lee Geok 1,1; Chia Tze Kwang 1,1; Abdul Latif bin Haji Ibrahim 1,1; Ak. Abu Bakar bin Pg. Hj. Ismail 1,1; Zakaria bin Latif 1,1; Md. Yusof bin Md. Hassan 1,1; Abbas bin Hj. Serudin 1,1.

Wong May Kuen 2; Ibrahim bin Md. Yassin 2,2; Juliet Luginia Bastians 2; Edward King 2; Isabel R.P. Arumainayagam 2; Nayan bin Hj. Nordin 2,2; Sophia bte. Mohd. Taha 2,2; Rosniah bte. Md. Hassan 2,2; Surendar Kaur Batasingh 2,2; Md. Yusof bin Hj. Mohiddin 2,2; Lim Jock Jin 2,2; Bennet A. Keasberry 2; Abdul Wahab bin Juned 2,2; Talib bin Hj. Serudin 2,2; Alma Ethel Ross 2; Ak. Aliuddin Pg. Hj. Abu Bakar 2,2; Md. Zain bin Haji Yahya MCE 2.

Abd. Salam bin P.P. Hj. Hashim 3,3; Siti Hafsa bte. Abdul Halim 3,3; Md. Jumin bin Marsal 3,3; Khalid bin Haji Ghazali 3,3; Bu-jang bin Abdul Hamid 3,3; Waadn Sri Marius Perera 3; Mat Zain bin Mohd. Salleh 3,3; Haji Abdullah bin Haji Bungsu 3,3; Dahlan bin Awg. Besar 3,3; Georgia Jayasingam 3,3; Suhaime bin Awg. Besar 3,3; Judy Lee Nyuk Lin 3; Abdul Rahim bin Haji Musa 3,3; Abu Bakar bin Abdul Rahman 3,3.

Ak. Md. Yusof bin Pg. Puteh 3,3; Giam Chia Fung 3; Ho Guan Chaw 3; Jaafar bin Hj. Saman 3; Mohd. Yusof bin Awg. Chuchu 3,3; Shim Guat Mee 3,3; Kamariah Haji Abdul Wahab 3,3; Radiah bte. Talip 3,3; Rusni bte. P.A. Hj. Abdullah 3,3; Zainal bin Md. Daud 3,3; Zaidin bin Awang 3,3; Peter Frederick Giffening 3,3; Osman bin Razali 3,3; Lim Phang Vui 3,3; Thaibah bte. Abdul Rahim 3; Siti Hawa bte. Ahmad 3; Md. Yusoff bin Abdul Jalil 3,3; Giam Chia Shin 3; Abdul Rahman bin Lahab 3.

Arbi bte. Abdul Rahman MCE 3; Timbol bin Haji Tinggal MCE 3; Abdul Latif bin Ag. Abu Bakar MCE 3; Ali Mashod bin Hj. Tahir MCE 3; Idris bin Abas MCE 3; Siti Noraini Abdul Rahman MCE 3; Normah bte. Suhaime MCE 3; Nuisah bte. Karim MCE 3; Abdul Lazis bin Nordin MCE 3; Jamilah bte. Nordin MCE 3; Ak. Md. Suhaime Pg. Abd. Rahman MCE 3; Abu Bakar bin Awg. Othman MCE 3; Shim Jui Lee MCE 3; Saman bin Hj. Mohd. Salleh MCE 3; Mo-hammad bin Hj. Bakar MCE 3; hammad bin Kan MCE 3; Md. Nawa-Fung Lee Kan MCE 3; Md. Nawa-wi POKS Jh. Taha MCE 3.

Ak. Zakaria Pg. Mohamad GCE; Amar Jit Kuar GCE; Daniel Ng GCE; Dk. Maskatun Pg. Hj. Abu Bakar GCE; Hajjah Zainah bte. Hj. Mohd. Salleh GCE; Md. Serudin bin Apang GCE; Abdul Rahman bin Hj. Omar GCE; Mohiddin Mohd. Yusoff GCE; Nayan bin Asmat GCE; Noraini bte. Hj. Abdullah GCE; Rosni bte. Majid GCE; Abdul Rahman bin Hj. Md. Tahir GCE; Normah Lamat GCE; Waad Srimath Magnus Perera GCE.

Hafsa bte. Sahari GCE; Dk. Fatimah bte. Pg. Mahmud GCE; Dk. Mariam bte. Pg. Ahmad GCE; Dk. Siti Halimah bte. Pg. Hj. Apang GCE; Goh Siok Hian GCE; Awg. Yahya bin Abdi Manaf GCE; Jali Ibrahim GCE; Louis Lee Fook Kiong GCE; Mahmud Morshidi Awg. Othman GCE; Mohammad bin Hj. Omar GCE.

Mohd. Shahri bin Mohd. Ali GCE; Md. Yunus bin Hj. Md. Husain GCE; Yeo Ann Liang GCE; Abdul Kamis bin Osman GCE; Ak. Md. Taib bin Pg. Mohammed GCE; Chan Hui Khiong GCE; Hamdan bin Hj. Hashim GCE; Han Ai Kiek GCE; Koh Bee Lian GCE; Shirley Anna Joseph GCE; Zainin bin Hj. Kassim GCE; Abdul Ghani bin Hj. Omar GCE; Ahmad bin Moksini GCE; Ak. Mat Said bin Pg. Tengah GCE.

SEKOLAH ST. ANDREW, BANDAR BRUNEI

See Lim Choo 1; Samuel Lim Sin Been 1,1.

John Anthony Walliam Eade 2; David Thien Wai Kwok 2; Lai Kim Mui Justina 2.

Tang Liing Sing 3; Yvonne Chai Moi Hung 3; Patricia Lim Lee Tong 3; Chee Sok Chin Jannie 3.

Ak. Sulaiman bin Pg. Said GCE; Robert Lim GCE; Liang Yeow Pin GCE; Lai GCE; Han Tan Juan GCE; Frederick Yapp Pau Thai GCE; Chan Hian Kwong GCE; Chan Ha Siong GCE; Teo Min Chin GCE; Hou Lee Hui GE; Ting Hie Ling Jimmy GCE; Wong Siau Ngo GCE; Ung Swee Khing GCE; Wong Nyuk Foong Philomena GCE; Lim Sok Lan GCE.

MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA

Liang Mun Tong 1,1; Foo Wui Khiong 1,1; Mary Mathews 1; Chee Chong Fat 1; Low Heng Chew/Law Heng Chew 1; Th'ng Siew Yong 1,1; Siah Leong Teck 1,1; Lam Mee Yin 1,1; Neela Saraswathy Panch 1; Ling Ah Hing 1; Ho Nyuk Yun 1; Chiam Aye Geok 1,1; Sanny bin Hj. Abdul

Rahman 1,1; Subash Chona Mathews 1; Ak. Matusin bin Pg. Hj. Matasan 1,1.

Bichara bin Kunchol 2; Lee Tet Sin 2; Ak. Mustapha bin Pg. Jaludin 2,2; Helen Yong 2; Chong Cho Lian Richard 2,2; Hiew Shau Min 2; Mohamed bin Matussin 2,2; Lee Tin Lan 2; Zai bin Alias 2,2; Chua Swee Kheng 2; Cheong Poh Suan 2,2; Yapp Kim Sang 2,2; Ng Pek Liang 2; Chong Kuok Moi 2; Chung Yee Ken 2; Dk. Mariam bte. Pg. Matarsat 2,2; Dk. Noraini bte. Pg. Momon 2,2.

Lee Kaw 3; John Thomas D'Costa 3; Awg. Yakup bin Awg. Morshidi 3,3; Fredrick Teo Yong Thai 3,3; Goh Kong Ming 3,3; Matzan bin Abd. Ghani 3,3; Osman bin Abd. Salam 3,3; Sung Pak Leong 3; Siti Hawa bte. Hj. Md. Hussein 3,3; Chai Leng Ngok/Cha Leng Ngok 3; Noriah bte. Ahmad 3,3; Wong Imm Lin 3,3.

Saidah bte. Ariff MCE 3; Yee Phun Khyan MCE 3; Johari bin Abd. Razak BCE 3; Sia Leong Ping MCE 3; Myidin bin Abd. Ghani MCE 3; Lasut bin Sain MCE 3.

Sukarni bte. Abd. Kadir GCE; Yee Kam Leng GCE; Zunaiddi bin Abd. Hanafiah GCE; Yong Eng Hwa GCE; Liew Nyuk Yin GCE; Salleh bin Abd. Hamid GCE; Musa bin Koya GCE; Mohd. Esa bin Mohd. Yusoff GCE; Liew Yun Siong GCE; Harbhajan Kaur GCE; Abu Bakar bin Othman GCE; Mohd. Norr bin Badarudin GCE; Sari bin Ahmad GCE; Eric Chua Siew Poh GCE; Selangkir bin Yakin GCE.

SEKOLAH ST. MARGARET, SERIA

Boon Yau Ming 1,1; Tan Bin/Tan Tau Ping 1; Philip Tan Kwong Leong 1,1; Wong Siu Yau 1; Lilian Heng Juat Lan 1,1.

Quek Chong Kee 2; Mahtew Ho Sze Onn 2; Liew Fui Chin 2; Wilfred Kuek Sze Ngee 2; Yap Chin Hee 2; Wong Hong Kuong 2; Ku Yeok Fah 2; Khang Kim Yan 2; Lo Yann Mei 2; John Heng Jin 2; Le Le Fah/Loh Lee Fah 2; Henry Chua 2,2; Jelani Ak Lpa Dominic 2,2; Fan San Onn 2; R. Bala Subramanyam 2; Chung Hin Hon 2; Che Thien Kee 2.

Bernard Goh Ai Ming 3; Leong Chi Yun/Ivan 3; Lim Mui Ngo 3; Yeo Geok Hong 3; Yee Yeok Siang 3; Tan Siong Ngor 3; Liew Mee Yan/Low Mee Yan 3; Gopalan M.V. 3; Edward Lee Shin Yu 3; Hong Fong Man 3; Chin Thoon Khong Philip 3; Kong Siew Chaen 3.

Chin Yin Yung GCE; Fung Ju Ning GCE; Leonie Paula Chiang Nyen Chin GCE; Pang Chin Siang GCE; Sim Ket Khiong GCE; Sim Nyuk Chong GCE; Lee Tet Onn GCE; Wee/Wong Choo Chin GCE; Hanson Ng Win Sang GCE; Ng Seng Ngoh GCE; Richard Ong Wei Wah GCE; Peter Foo Jee Peng GCE; Kong Siew Yong GCE; Wong Suk Hung GCE; Chong Su Hiong GCE; Lorretta Ng Siew Yin GCE; Peter Chiew Siew Kin GCE; Chong Kok Bang/Chung Kui Fah GCE.

SEKOLAH ST. MICHAEL, SERIA

Loong Wai Sing 1; King Chiu Fung 1; James Augustine Labangka 1; K. Revi Kumar 1; Chow Lap Sing 1; Choo Yun Kong 1,1; Yeo Chief Oon/Yong Shaw Yin 1; Michael Lee 1,1; Rung Ju Hai 1; Chong Thian Fook 1. Roystan Abad 2; Lucas Wong 2; Louis Ngui 2; Lim Phang Leng 2; King Chiew Hoon 2; Julaihi bin Abdullah 2,2; Cosmas Wong Kui Fah 2; Chang Onn Chin 2; John

Tan 2; Benjamin Peters 2; Vernon Guibarra 2; Han Teo Kwang 2; Chia Swee Hong 2,2.

Sylvester Chang 3; Soo Goon Puan 3; Robert Newbigging 3; Peter Hampton 3; Ngui Thien Soong 3; Lee Sen Foon 3; John Tai Kim 3; Chia Siang Fatt 3; Choo Cheok Kin 3.

SEKOLAH ST. ANGELA CONVENT, SERIA

Virgio Anna Martinez 1; Lilyy Toh Swee Sim 1; Leong Yoke Foon 1; Agnes Wong 1; Wong Lai Sang alias Song 1,1; Elizabeth Wong 1,1; Julaina Tiong Tuang Ung 1,1; Leong Thiau Yik 1,1.

Verafin Chua Lian Hionh 2; Leoni Wong Ah Lang 2; Justina Wong Siew Yung 2; Costance Wong Ngan Shun 2; Lim Meng Chua 2; Son Kheng Wah 2; Liaw Su Jin 2; Mellin Oong Len Ching 2; Yapp Swee Len 2; Alice Golinsu 2; Liang alias Leong Yeok Seow 2,2; Agnes Chai Mui Ngo 2; Lau Swee Choo 2,2; Hong Chiew Lan 2.

Tan Yee Wah 3; Chung Nyuk Yin 3; Veronica Then 3; Patricia Then 3; Ho Soon Fui 3; Juliana Then 3; Veronica Sim Hwee Luan 3; Wong Siew Ha 3; Cheong Yin Fong 3; Maria Lee Kim Fah 3; Lydia Lai Khuan 3; Mary Carol Sim 3; Chong Luke Ha 3; Lam Lee Yin 3.

Tan Lan En GCE; Leong Siew Lin GCE; Teresa Lim GCE; Mak Lai Chan GCE; Helen Chin GCE; Diana James GCE; Susanna Yong Mann GCE; Evelyn Masudal GCE.

SEKOLAH ST. GEORGE, BANDAR BRUNEI

Virginia Shim 3,3; Thomas Chong Wing Kong 3; Liew Nam Shin 3; Elizabeth Fan Sai Choo 3,3; Cecilia Newn Siew Fong 3.

CHALUN PRIVATE, BANDAR BRUNEI

Sharifuddin bin Md. Yusoff 2; Dk. Fatimah bte. Pg. Hj. Momin 2; Pg. Ali bin Pg. Hj. Osman 2,2; Awg. Momin Awg. Tengah 2,2.

Fatimah bte. Husain 3; Abidah bte. Md. Yusoff 3,3; Siti Sara bte. Hj. Mohd. Taha 3,3; Tan Siaw Gek 3; Shansiah bte. Abd. Latif 3,3; Norfisah bte. Jirim 3,3; Fishah bte. Jamal 3,3; Johari bin Abd. Rahman 3,3; Hisham bin Md. Sum 3,3; Ibrahim bin Abd. Rahman 3,3.

Idris bin Abdul Rahman 3,3; Ismail bin Ahmad 3,3; Ismail bin Awg. Apit 3,3; Ak. Mohd. Lim-bang bin Pg. Hj. Yusoff 3,3; Jumat bin Mohd. Salleh 3,3; Suhaili bin Hj. Omar MCE 3; Md. Noor bin Md. Salleh MCE 3; Masni Adis MCE 3; Han Sui Kwang 3.

(Lihat Muka 6)

Kelas petang Form VI di-Maktab SOAS

BANDAR BRUNEI. — Kelas Dewasa Petang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan mengadakan Form VI (Lower) tidak beberapa lama lagi.

Sa-siapa yang ingin memasuki kelas tersebut boleh-lah berhubung dengan Penyelia Kelas2 Dewasa Petang Maktab S.O.A.S. untuk mendapatkan borang2 masuk.



26 Mach, 1969.

SUMBANGAN YANG TERPUJI

PENGHARGAAN kepada sa-suatu yang berkait rapat dengan lunas2 peri kemanusiaan ada-lah yang amat tinggi nilai-nya dan patut pula-lah diberikan penghormatan apa lagi yang bersangkutan dengan kebajikan untuk semua lapisan masyarakat.

Brunei yang terkenal sa-bagai sa-buah negara kebajikan telah di-harumkan lagi dan nilai2 kebajikan-nya itu bergerak maju sa-tapak lagi apabila raayat-nya mengorak langkah yang wajar di-segi kesihatan ia-itu langkah yang di-buat sa-chara sukarela yang berbentuk derma wang untuk membeli sa-buah mesin buah pinggang yang akan digunakan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Wang sa-jumlah \$25,000 yang di-kumpulkan dari derma orang ramai kerana tujuan itu telah di-sampaikan oleh Penulong Menteri Kesihatan kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Sa-jauh ini gerakan2 dan usaha2 yang berchorak kebajikan itu sa-bahagian besar-nya di-laksanakan oleh Kerajaan sa-hingga mendapat julukan sa-bagai "memanjakan" dan sa-chara tidak langsung mengasoh supaya membanyakkkan "bata-kul-tuhut" menanti rezeki datang dan konon-nya tidak menjalankan usaha2 yang radikal.

Sa-benar-nya dari usaha Kerajaan dengan melaksanakan ranchangan2 kebajikan umpama-nya membantu isteri2 dan keluarga2 orang2 tahanan ber-thabit dengan peristiwa 1962; mengadakan pinchen tua; membantu orang2 buta; lumpoh; pengidap penyakit kusta dan membantu keluarga pengidap penyakit otak dan bantuan2 yang lain faedah-nya amat berguna terutama di-segi kebahagiaan orang2 yang menerima bantuan itu yang besar jumlahnya.

Langkah ini juga dapat mengekalkan ketenteraman dan keamanan negara dan dapat pula mengelakkan sa-suatu bencana yang mungkin timbul disebabkan kesangsaraan.

Di-samping itu, usaha2 kebajikan tersebut sa-chara tidak langsung telah dapat membawa raayat negeri ini berfikir lebih luas lagi bahawa sampai bilakah masa-nya "budi" yang baik itu mendapat balasan yang sewajar-nya.

Amat jelas sekarang bahawa orang ramai sudah mula menyedari hakikat ini dan sa-tapak demi sa-tapak menchari jalan yang sesuai untuk menyatakan terima kasih mereka dan tidak rela membiarkan Kerajaan memikul dalam hal2 yang boleh di-usahakan oleh mereka sendiri dan semangat ini merupakan salah satu sumbangan raayat terhadap negara-nya yang sekarang pesat dengan kemajuan dan pembangunan-nya.

Satu dari beberapa bakti sumbangan mereka itu ia-lah dengan memberikan derma untuk membeli sa-buah mesin buah pinggang tersebut dan mungkin usaha yang sa-umpama itu akan menjarak ka-arrah yang lebih besar seperti di-segi perkembangan pelajaran dan perekonomian negara.



Dr. Md. Hussein

P-jaya Kebajikan rasmikan Kelas Bimbingan Sastera

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri di-jadualkan merasmikan Kelas Bimbingan Sastera anjoran Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERWANI) pada 4 April hadapan di-Dewan Raya, Bandar Brunei.

Kelas Bimbingan Sastera yang julong2 kali-nya di-anjor-kan oleh persatuan itu akan di-adakan di-bilik Kauliah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada tiap2 hari Jumaat sa-lama tujuh minggu.

Sa-orang juruchapak ASTERWANI berkata, tujuan di-adakan Kelas tersebut ia-lah untuk memberi bimbingan kepada penulis2 tanah ayer mengenai pengertian sastera, prosa, derama dan keritik sastera.

Juruchapak itu menyatakan, jika kelas itu mendapat sambutan baik dari penulis2 tempatan, ada kemungkinan ia-nya akan di-adakan lagi di-masa yang akan datang.

Sa-takat ini ASTERWANI telah menerima banyak permohonan untuk memasuki kelas tersebut.

Kerja memperbaiki tambatan di-sambong semula

BANDAR BRUNEI — Kerja2 memperbaiki dan memodankan tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei telah di-sambong semula di-bahagian tengah tambatan itu.

Sa-panjang kira2 200 kaki akan terlibat dalam ranchangan memperbaiki dan memodankan itu.

Pengarah Laut dalam satu

pengumuman berkata, kerja yang di-mulakan pada hari Isnin lepas itu akan memakan masa kira2 11 minggu.

Semasa kerja2 itu di-jalankan, bahagian tengah tambatan itu akan di-tutup kapada semua perkapalan dan barang2 tidak di-benarkan di-punggah dan di-muat atau di-simpan di-sana.

Penuntut Brunei lulus ilmu kedokteran

BANDAR BRUNEI — Sa-orang penuntut Brunei, Awang Md. Hussein bin Md. Daud telah lulus ilmu kedokteran dari Universiti Glasgow, England dengan mendapat ijazah M.B. Ch.B.

Pada masa ini beliau sedang meneruskan pelajaran-nya dalam kerja2 latehan prektikal sa-lama sa-tahun di-Rumah Sakit Kimarnock Infirmariy untuk melayakkan diri sa-bagai sa-orang doktor.

Latehan tersebut di-jadualkan tamat dalam bulan Februari tahun 1970.

Doktor Md. Hussein ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan adek kapada Awang Mohd. Ali dan Awang Mohd. Kassim.

Awang Mohd. Ali juga telah lulus dari universiti yang sama dengan mendapat ijazah LLB dan beliau sekarang ini menjadi Hakim Mahkamah Kelas Pertama. Awang Kassim pula telah lulus dalam bidang politik dan ekonomi dengan mendapat ijazah B.A. dari Universiti Reading, England dan beliau sekarang berkhidmat di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pedagang2 di-seru supaya membawa sukatan dan timbangan untuk di-pereksa

BANDAR BRUNEI — Adalah di-maalomkan kapada pedagang2 di-Daerah Brunei dan Muara yang maseh lagi belum datang menchap perkakas sukatan dan timbangan mereka bagi tahun 1969 supaya datang menchap perkakas sukatan dan timbangan di-Pejabat Sukatan dan Timbangan Brunei dengan seberapa segera kerana tarikh akhir menchap perkakas suka-

tan dan timbangan bagi Daerah Brunei dan Muara sudah pun dekat.

Perhatian semua pedagang2 dan lain2 orang ada-lah di-mina mengenai maksud bab 12(2) Undang2 Sukatan dan Timbangan (Panggal 69) yang berbunyi saperti berikut:

"(2) Tiap2 orang yang menggunakan atau ada menyimpan bagi penggunaan perdagangan sa-barang sukatan, timbangan atau alat perkakas menimbang yang tidak di-chap sa-bagai mana yang di-kehendaki oleh bab ini boleh di-kenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ringgit atau dalam perkara kesalahan yang kedua kali-nya, lima puluh ringgit dan sukatan, timbangan atau alat perkakas menimbang itu boleh di-ramas dan sa-barang perjanjian tawaran, penjualan atau urusan yang di-buat oleh sukatan, timbangan atau alat perkakas penimbang sa-demikian kerana menyukat akan terbatal."

Sambutan Tahun Baru Islam — 1389

BANDAR BRUNEI. — Sambutan Tahun Baru Islam 1389 telah di-adakan di-Dewan Raya Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Sambutan tersebut telah di-anjorkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Kadhi Besar, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohammad Zain dalam ucapan-nya ketika merasmikan sambutan tersebut telah menyeru penduduk2 di-negeri ini supaya mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Beliau menegaskan, walau pun Islam sa-bagai ugama rasmi negara, tetapi penganut2 ugama lain juga tidak di-tegah mengamalkan ugama mereka masing2.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Sambutan, Awang Abdul Hamid bin Bakal telah memberikan ucapan.

Beliau telah menerangkan serba ringkas mengenai peristiwa awal tahun Hijrah.

Kemunchak dari achara dalam sambutan itu ia-lah peraduan bahath perengkat akhir di-antara Persatuan PERANGKAP, Brunei dengan Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

Peraduan tersebut telah di-menangi oleh Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

Sambutan pada malam itu telah di-selang dengan persembahan nashid dan membaca sajak serta sharahan khas yang telah di-sampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Antara yang hadir menyaksikan sambutan itu termasuklah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Haji Muda Kemaluddin dan pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Dua penuntut hadhiri kursus di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penuntut Brunei telah berlepas ka-Australia pada minggu lalu untuk menjalani kursus sains urusan rumah tangga.

Mereka ia-lah Dayang Afsah bte Md. Yusof, bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Dayang Fatimah bte Abdul Rahman, bekas penuntut Maktab Anthony Abell, Seria.

Kedua2 penuntut ini akan menjalani kursus sa-lama dua tahun di-Maktab Emily PacPherson di-Melbourne.

Ini ada-lah buat pertama kalinya penuntut Brunei di-hantar ka-Australia untuk mengambil kursus seperti itu di-bawah biasiswa kerajaan.



Isteri Kadhi Besar Brunei sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Damit bin Taha, Ketua pasokan bahath Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi Kuala Belait yang telah berjaya dalam peraduan bahath perengkat akhir. (gambar atas)

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Haji Muda Kemaluddin (di-tengah2) adalah di-antara yang menyaksikan sambutan pada malam itu. Dan di-kanan sekali ia-lah Kadhi Besar, Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohd. Zain. (gambar atas kiri).

39 orang chalun lulus Sijil Pelajaran Malaysia — 29 dapat G. C. E.

BANDAR BRUNEI. — Saramai 14 dari 42 orang penuntut Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei telah lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dalam aliran Melayu yang telah di-adakan dalam tahun lepas.

Jumlah yang telah lulus itu adalah bersamaan dengan 33.3 peratus.

Daripada 14 orang yang telah berjaya itu empat orang mendapat Pangkat Kedua dan 10 orang mendapat Pangkat Ketiga.

Beberapa orang chalun private juga telah mengambil peperiksaan tersebut.

Dari 61 orang chalun private dari Bandar Brunei, tiga orang mendapat Pangkat Kedua dan 20 orang mendapat Pangkat Ketiga.

Di-Seria, dari 12 orang chalun, hanya dua orang sahaja lulus dengan mendapat Pangkat Ketiga.

Dalam peperiksaan tersebut saramai 29 orang telah lulus dengan mendapat Sijil Pelajaran 'Am — 12 dari Sekolah Menengah Pertama, 16 orang chalun private, Bandar Brunei dan sa-orang chalun dari Seria.

Berikut ini ia-lah chalun2 yang lulus dalam peperiksaan tersebut:—

SEKOLAH MENENGAH MELAYU PERTAMA, BANDAR BRUNEI

Mohammad Shah bin Tahir 2; Ak. Mohamed bin Pg. Damit 2; Damit bin Jamudin 2; Ismail bin Bolhassan 2.

Rukiah bte. Hj. Abd. Rahman 3; Rayah bte. Mohd. Ali 3; Rangki bte. Ringgit 3; Kamastun bte. Darum 3; Ramli bin Lahit 3; Muhammad bin Salim 3; Latif bin Hj. Dollah 3; Kifli bin Hj. Nudin 3; Khanafiah bin Sulong 3; Kambur bin Hj. Damit 3.

Aw. Arbi bin Hj. Mohammad Yusoff GCE; Ali bin Matasim GCE; Abdul Karim bin Ahmad GCE; Zaiton/Aisah bte. Abdullah GCE; Musbah bte. Ibrahim GCE; Masturi bte. Zainal GCE; Kasmah bte. Abd. Rahman GCE; Dk. Fatimat bte. Pg. Hashim GCE; Amidah bte. Muhammad GCE; Sulaiman bin Alias GCE; Norariffin bin Md. Yassin GCE; Matkilin bin Baju GCE.

CHALUN PRIVATE, BANDAR BRUNEI

Mahmud bin Tahir 2; Md. Yusop bin Mohamad 2; Hamzah bin Dali 2.

Tudin bin Ahad 3; Md. Deli bin Md. Jais 3; Muhammad Noor bin Chuchu 3; Ramlee bin Tunggal 3; Abd. Wahid bin P. Hj. Abu Bakar 3; Hamdan bin Md. Said 3; Muhammad bin Ag. Damit 3; Muhammad bin Abd. Latif 3; Zaman bin Ag. Damit 3; Sharifah Dorah bte. Mohammed 3; Abbas bin Ahmad 3; Abdullah bin Ideris 3; Abd. Rahman bin Kikil 3; Abd. Thani bin Mohammad 3; Ak. Othman bin Pg. Damit 3; Awang Harun bin Abd. Samad 3; A. Mohsin bin Abu Bakar 3; A. Noordin bin Hj. Tengah 3; Bungsu bin Md. Salleh 3; Mohamad bin Taha 3.

Pon bte. Shufaat GCE; Zainie bin Abd. Hamid GCE; Masri bin Dato' Hj. Mohamad Yusoff GCE; Mat Isa bin Hasan GCE; Ajmain bin Jais GCE; Ak. Chuchu bin Pg. Ahmad GCE; A. Leman bin Ahmad GCE; Mohd. Yusoff bin Awang Morni GCE; Momin bin Nasir GCE; Sulaiman bin Hj. Abd. Wahab GCE; Abd. Rahman bin Othman GCE; Abdul Wahab bin Abdul Latif GCE; Ahmad bin Sulaiman GCE; Aliakbar bin Ibrahim GCE; Kamis bin Mohd. Ali GCE; Md. Jaafar bin Apong GCE.

CHALUN PRIVATE, SERIA

Baba bin Arshad 3; Ak. Mahmud bin Pg. Damit 3; Ak. Sabtu bin Pg. Md. Salleh GCE.

Latehan bersama pulis dan tentera

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei bersama2 dengan Pulis Di-Raja Brunei akan mengadakan latehan tentera sa-lama tiga hari mulai 31 Mach ini.

Latehan yang di-berinama 'Kipas Dua' itu akan di-jalankan di-kawasan2 Bandar Brunei, Muara, Tutong dan Temburong yang akan melibatkan beberapa pergerakan tentera dan pulis di-kawasan tersebut.

Beberapa sekatan jalan raya akan di-lakukan sepanjang latehan tersebut dalam masa yang singkat tetapi usaha akan di-ambil untuk mengelakkan gangguan kepada orang ramai.

Dua orang lagi masok ka-Rumah Orang2 Tua

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah menerima masok dua orang lagi ka-Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Dengan kemasokkan dua orang itu, bilangan penghuni di-rumah itu sekarang ia-lah 56 orang termasuk lima orang perempuan.

Perbelanjaan tahunan untuk

menyelenggarakan rumah itu ia-lah kira2 \$30,000.00.

Kerajaan memberi bantuan sa-banyak \$10,000.00 pada tiap2 tahun dan baki-nya ada-lah derma dari orang ramai.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat sa-takat ini telah mengutip sa-banyak \$18,743.41 dari orang ramai tahun ini.

"SAYEMBARA CHERPEN" RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu 'SAYEMBARA CHERPEN' yang julong2 kali di-anjorkan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan di-adakan dalam bulan Mei.

- i. Penulis2 yang ingin menyertai Sayembara Cherpen ini hanya di-benarkan menghantar satu naskah cherpen sahaja dan hendaklah karangan asli (original) yang belum pernah tersiar dan di-hantar di-mana2 dan bukan karya terjemahan (translation) atau dari bahan2 penyesuaian (adaptation) dari karangan2 yang pernah tersiar sebelumnya.
- ii. Naskah cherpen yang hendak di-hantar hendaklah di-tulis/di-taip langkau sa-baris pada sebelah muka kertas ukuran 'fullscap' sahaja. Kalau naskah karangan itu menggunakan tulisan tangan hendaklah di-tulis dengan jelas dan terang.
- iii. Ukuran panjang cerita sa-sebuah cherpen ia-lah antara 1,200—1,300 perkataan dan ejaan hendaklah betul mengikut keadaan ejaan sekolah sekarang.
- iv. Tema/isi cerita haruslah di-sesuaikan dengan pertumbuhan rohani dan perkembangan pemikiran bangsa dan pembangunan sekarang. Jawatan kuasa berhak menolak sebarang cherpen yang menegenapkan nilai moral atau yang boleh mengelirukan fikiran umum.
- v. Nama penulis dan/atau nama samaran (jika ada) hendaklah di-tulis beserta dengan alamat dalam borang yang khas disediakan yang boleh didapati dari Perkhidmatan Melayu Radio Brunei.
- vi. Nama penulis dan/atau nama samaran tidak boleh di-tulis dalam naskah

- cherpen yang di-hantar.
- vii. Borang2 berserta naskah cherpen hendaklah di-hantar kepada Setia Usaha Sayembara Cherpen, Perkhidmatan Melayu Radio Brunei tidak lewat dari 3 Mei 1969.

HADIAH SAYEMBARA

Hadiah akan di-berikan sa-banyak \$60.00 bagi pemenang pertama, \$45.00 bagi hadiah kedua dan \$30.00 bagi hadiah ketiga.

Jika Jawatankuasa Sayembara memikirkan cherpen yang terbaik pertama kurang memuaskan maka Jawatankuasa Sayembara berhak menimbangkan kembali untuk menamakan pemenang pertama itu sa-bagai Hadiah Penghargaan dengan memberikan hadiah sa-banyak \$50.00.

Sa-banyak 17 buah cherpen akan di-jadikan Cherpen Pilihan dengan bayaran biasa sa-banyak \$10.00 apabila cherpen itu di-siarkan dalam Cherpen Pilihan untuk siaran mingguan.

PENGADILAN

- i. Jawatankuasa Sayembara Cherpen akan melantik jemaah hakim yang difikirkan layak untuk mengadili Sayembara.
- ii. Para pengadil tidak akan mengetahui nama atau nama samaran para peserta Sayembara. Nama2 peserta akan di-asingkan dan di-simpan oleh jawatankuasa Sayembara.
- iii. Keputusan pengadil adalah muktamad.
- iv. Keputusan Sayembara akan di-umumkan sa-lewat2-nya akhir bulan Jun 1969.
- v. Segala cherpen yang memenangi hadiah dan jadi Cherpen Pilihan akan di-

ANJORAN

siarkan dalam ruangan cherpen Radio Brunei sepanjang bulan Julai-November.

HAKCHIPTA DAN HAKSIARAN

Sa-tiap cherpen yang berjaya memenangi hadiah dan jadi Cherpen Pilihan akan jadi hakchipta, Cherpen2 yang tidak berjaya akan di-pulangkan kepada penulis2-nya.

YANG BERHAK DAN TIDAK MEMASOKI SAYEMBARA

Sayembara ini terbuka kepada penulis tempatan yang berhak menjadi warga negara Brunei.

Orang2 dan pegawai2 yang di-lantek dalam Jawatankuasa Sayembara dan pengadil2 yang di-lantek untuk mengadili Sayembara ini tidak dibenarkan memasoki-nya.

288 orang memohon rekrut Pulis

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Di-Raja Brunei telah menerima 288 permohonan untuk menjadi rekrut baru dan sambutan itu, di-sifatkan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, sa-bagai mengalakkan.

Kata-nya, temu-duga untuk memilih kira2 40 orang baru itu, akan di-adakan akhir bulan ini.

Tiap2, sa-orang rekrut akan menerima gaji sa-banyak \$180.00 sa-bulan.

Mereka akan menerima latihan asas, di-pusat latihan pulis di-Berakas, sa-belum di-hantar ka-Malaysia Barat kerana menjalani latihan2 lanjut, sa-lama kira2 lapan atau sembilan bulan.

Semasa latihan mereka akan mengambil kursus undang2; peratoran2 dan tugas2 umum pulis.

Keputusan sijil

S.C., M.C.E.

(Dari Muka 2)

Mashor bin Hj. Matahir GCE; Mohd. Yusra bin Abdul Halim GCE; Zaine bin Md. Daud GCE; Yong An Yia GCE; Zainal Abidin bin Mahari GCE; Sunny Goh Kim Teck GCE; Tong Bong Hock GCE; Salleh bin Othman GCE; Lim Siew Peck GCE; Rahim bin Yusof GCE; Toh Soh Leng GCE; Awang bin Kassim GCE; Abdullah bin Hj. Bagol GCE.

Mohammad Said bin Taib GCE; Md. Taib bin Sulaiman GCE; Foon Mi Lan GCE; Goh Kim Hock GCE; Hj. Yahya bin Hj. Ismail GCE; Hasni bin Abdul Hamid GCE; John Chin Chu Siah GCE; Ibrahim Faisal bin Hj. Md. Basri GCE; Ip Po Wan GCE; Ishak bin Mohd. Zain GCE; Eddia bin Beel GCE.

Aisah bte. Ajmain GCE; Ak. Ibrahim bin Pg. Mohamad GCE; Ak. Md. Hassan bin Pg. Zainal GCE; Ak. Md. Daud bin Pg. Puteh GCE; Alias bin Tamit GCE; Ali bin Kayum GCE; Ak. Duraman bin Pg. Baha GCE; Awg. Tengah bin Husin GCE; Awg. Arpan bin Mohammad GCE.

Bahar bin Ahmad GCE; Cheong Poh Choo GCE; Chok Fook Soon GCE; Choo Tip Seng GCE; Abd. Latif bin Abdullah GCE; Abd. Kadir bin Sh. Yahya GCE; Abd. Razak bin Hj. Abu Hanifah GCE; Ambran Md. Noor GCE; Halimah bte. Lamat GCE; Koh Ken Lin GCE; Sapawi bin Bolhassan GCE.

CHALUN PRIVATE, SERIA

Sahari bin Daud 2.2; M. Hashim bin M. Othman 2; Wee Siaw Chong 2.

Abang Bohari bin Abang Johari 3.3; Jinab Kadir 3.3; Agnes Ho 3; Charlie Teoh Kim Siang 3; Lim Beng Koon 3; Paul Chin Kong 3; Tan Swee Hwa 3; Ahmad Shahdi bin Juman 3.3.

Chan Man Sam GCE; Chin Niam Sa GCE; Chong Wei Hua GCE; Eda Lim Ah Lui GCE; James Thien Kim Pau GCE; Kathleen Lucy Graeme GCE; Lee Ng Chin GCE; Mohd. Komasi bin Mohd. Sepawi GCE.

Ng Chai Loong GCE; Phang See Fong GCE; Sim Hoon Cheng GCE; Agnes Wong Ngee Moi GCE; Voon Ping Khiong GCE; Wong Teng GCE; Yeo Tong Lim GCE; Ak. Zainal Abidin bin Pg. Ahmad GCE; Chong Teng Kiang GCE; Janie Leong Vui Fon GCE; Song Yoke Kaw GCE; Tan Ah Lek Seng GCE.



SI-TUYU

oleh: m.salleh ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN TALIKOM

PERMOHONAN2 ada-lah di-pela-wa daripada chalun2 yang ber-kelayakan untuk memenohi jawatan2 yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

(a) KETUA2 PEMBANTU TEKNIK

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi chalun2 yang mempunyai pengalaman praktik yang luas dan kebolehan terbukti akan lebih di-utamakan. Jawatan2 ini akan di-penuhi mengikut tajok2 yang berikut dan chalun2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman praktik dalam bidang talikom serta mempunyai pengetahuan khusus dalam salah satu daripada perkara2 yang di-bawah ini.

Kerja2 Berhubung Dengan Talipon Otomatik (Automatic Telephone):

Memasang dan memelihara ibu-sawat2 otomatik yang mempunyai kemudahan2 S.T.D.; mengawal dan menjaga kakitangan2 rendah yang membuat pekerjaan ini.

Alat2 Bahagian Luar (External Plant):

Memasang dan memelihara sistem2 kebal pembahagi (cable distribution systems) jalan atas dan bawah tanah (sa-hingga 1,200 pasang kebal2 yang tengah-nya kertas). Pengetahuan menchatet rekod2 dan mengambil ukuran2 ada-lah perlu dan pengalaman mengenai sistem semboyan chemas tekanan gas akan merupakan satu kelebihan.

Taligraf:

Pengalaman yang luas mengenai alat2 taligraf, termasuk teleprinter, automatic tape transmitter, perforators, V.F. telegraph equipment, teleprinter switchboard dan alat2 kuasa yang berkaitan. Pengetahuan mengenai peratoran pejabat taligraf dan kerja2 rakaman (telex recording) akan merupakan satu kelebihan.

Chalun2 yang di-lantek ada-lah di-kehendaki membantu dalam latehan kakitangan2 tempatan bila2 saja ada kesempatan untuk berbuat demikian.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — \$930 x 30 - 1050/EB/1080 x 30 - 1200. Gaji pemulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PEMBANTU2 TEKNIK KANAN

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sa-harus-nya mempunyai kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Intermediate Certificate in Telecommunications atau pun yang sa-banding dengan-nya tetapi pengetahuan praktik yang luas dan kebolehan terbukti akan lebih di-utamakan. Jawatan2 ini akan di-penuhi mengikut tajok2 yang berikut dan chalun2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktik dalam bidang talikom termasuk pengawasan rapi terhadap pekerjaan kakitangan2 rendah.

- Alat2 bahagian luar termasuk kebal bawah tanah dan kawat jalan atas.
- Pemeliharaan ibu-sawat talipon otomatik.
- Perkakas2 teleprinter dan taligraf.
- Perkakas M.F. dan V.H.F. radio.

Pengetahuan luas dalam salah satu daripada bidang2 tersebut ada-lah perlu dan pengalaman dalam perkakas2 lain atau pun perkakas2 yang berkaitan akan merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya akan di-lantek sechara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kotrek ada-lah

dengan persetujuan bersama.

Bakiss:

Bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 April, 1969.

Sa-bagai Merinyu Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pela-wa bagi memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Kesihatan Perhubungan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah menchapai umur 18 tahun dan bukan-nya 25 tahun, dan mereka mesti-lah raayat D.Y. M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian. Pemohon2 yang berumur lebih dari 20 tahun mesti-lah pemohon yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan pada masa itu.

Mereka mesti-lah telah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Sains atau Sains 'Am. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berchakap Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB 2

— \$210 x 10 - 260/EB/270 x 15 - 360.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perhubungan sa-lama 3 tahun dan dalam waktu itu mereka hendak-lah mendapatkan Sijil The Royal Society of Health, Chalun2 akan di-hantar berlateh di-Singapura atau Malaya di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 April, 1969.

Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pela-wa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 yang di-kehendaki bagi jawatan ini hendak-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan bukan-nya 25 tahun. Mereka mesti-lah raayat D.Y. M.M. Sultan Brunei atau yang berhak di-daftarkan sedemikian. Pemohon2 yang berumur lebih dari 20 tahun hendak-lah pemohon yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan seberang laut.

c) Keutamaan akan di-beri

kapada mereka yang mendapat kepujian dalam Ilmu Sain dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan — \$210 x 10 - 260/EB/270 x 15 - 360.

Juruteknik Makmal Terlateh — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620.

Juruteknik Makmal Kanan — \$660 x 30 - 900.

Ketua Juruteknik Makmal — \$930 x 30 - 1050/EB/1080 x 30 - 1200.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan, dan juga akan di-hantar ka-Seberang Laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Per-

Bakal Pegawai

A. M. D. B.

PASOKAN Askar Melayu Di-Raja Brunei mempelawa pemohon2 untuk jawatan sa-bagai bakal pegawai bagi pengambilan bulan Jun tahun ini.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 seperti berikut di-kehendaki memohon:—

a. Pemohon2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei yang biasa-nya terdiri dari bangsa Melayu, sama ada puak Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

b. Jika sa-seorang pemohon itu bukan dari puak2 yang di-sebutkan tadi, dia hendak-lah beragama Islam dan raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

c. Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan Lima Inggeris.

d. Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan maseh bujang.

e. Ukoran badan sekurang2-nya 5 kaki tinggi dan berat badan tidak kurang dari 100 paun.

Chalun2 yang berjaya akan menjalani latehan asas tentera di-Khemah Berakas sa-lama enam bulan dan sa-telah berjaya menjalani latehan itu, mereka akan di-hantar ka-sekolah kadet pegawai sama ada di-England atau Australia untuk menjalani latehan lanjut sa-lama enam bulan.

Pemohonan sa-chara bertulis hendak-lah di-tujukan kepada Pegawai Pemerintah A.M.D.B. Khemah Berakas, Brunei tidak lewat dari 5 April 1969.


chubaaan akan di-kehendaki lulus semua peperiksaan sa-masa mereka dalam kursus latehan sa-waktu dalam perchubaaan.

Perchubaaan2 yang:

a) telah lulus peperiksaan terakhir, dan

b) telah di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka akan berhak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-hantar bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 April, 1969.



Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh sedang menyampaikan cek tersebut kepada Awang Tuah bin Ahmad.

LAGI SA-BUAH PERSATUAN BELIA DAPAT BANTUAN

BANDAR BRUNEI — Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan sa-keping cek yang berharga \$300.00 kepada Persatuan Kebajikan Mufakat Kampong Burong Pinggai Ayer.

Upacara menyampaikan cek itu telah diadakan di-Pejabat Pesurohjaya Kebajikan pada hari Sabtu lepas.

Wang tersebut ada-lah merupakan sumbangan dari Jabatan Kebajikan untuk membeli alat2 perabot bagi persatuan itu.

Setia Usaha Persatuan Kebajikan Mufakat Kampong Burong Pinggai Ayer, Awang Tuah bin Ahmad yang menerima wang tersebut telah mengucapkan terima kasih kepada Pesurohjaya Kebajikan atas derma tersebut.

Persatuan itu ada-lah persatuan yang kedua menerima derma sa-rupa itu dari Jabatan Kebajikan tahun ini.

Pada hari itu juga, Pesurohjaya Kebajikan telah menyampaikan sa-keping cek kepada Awang Puasa bin Haji Ali dari Kampong Madang, Jalan Berakas.

Wang tersebut derma simpati kepada Awang Puasa yang rumah-nya telah terbakar menjelang Hari Raya tahun lepas.

KOMPLEK PASOKAN PULIS \$6 JUTA DI-RASMIKAN 29 MACH

(DARI MUKA 1)

Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid menyatakan bahawa kompleks yang meliputi kawasan yang sa-luas kira2 70 ekar itu telah di-bena dalam empat peringkat dengan perbelanjaan yang berjumlah hampir2 \$6 juta.

Beliau berkata, kerja membena kompleks itu dalam peringkat pertama telah di-mula-

kan dalam tahun 1964 dan telah siap sa-hingga perengkat yang ke-empat dalam tahun lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja menerangkan bahawa kompleks tersebut mengandungi tiga belas bahagian bangunan yang di-reka bentuk-nya oleh Akitek2 Sharikat Booty, Edwards & Partners, termasuk 9 buah rumah yang bentuk-nya di-reka oleh Jabatan Kerja Raya.

Sembilan buah rumah itu ada-lah di-khaskan untuk rumah Pesurohjaya Pulis, lima buah rumah Pegawai2 Kanan dan tiga buah rumah merinyu.

Lain2 bahagian bangunan dalam kompleks tersebut ialah block bahagian pentadbiran yang mengandungi tiga tingkat; lima block rumah pangsa empat tingkat yang tiap2 block mempunyai tempat tinggal bagi 200 keluarga anggota2 pulis; block dua tingkat bagi anggota2 pulis yang maseh bujang dengan tempat tinggal yang boleh memampung sa-ramai 68 orang; dan block latehan pencharagam dua tingkat.

Kompleks itu juga terdapat Mess Pegawai2 yang mengandungi dua tingkat dengan tempat tinggal bagi sa-puluh orang pegawai yang maseh bujang.

Sa-buah kanten untuk anggota2 pangkat rendah telah juga di-sediakan yang mengandungi bilek permainan, bilek billiard, kedai gunting dan barang2 makanan.

Dalam kompleks itu juga terdapat sa-buah rumah berehat sa-masa di-adakan latehan berbaris dan mengandungi pentas dengan bilek2 menukar pakaian serta satu bahagian untuk rumah penyimpanan kenderaan2 dan kawasan-nya sekali.

Untuk keperluan sokan bagi anggota2 Pulis Di-Raja Brunei telah di-sediakan sa-buah padang bola-sepak dan hoki bagi membolehkan mereka meninggikan mutu permainan dalam kedua2 jurusan tersebut.

371 orang lulus pereksa pelajaran dewasa ugama

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 371 orang pelajar kelas dewasa, termasuk 157 orang wanita telah lulus pepercakaan pelajaran dewasa ugama peringkat rendah dan menengah.

Pepercakaan yang julong2

Lumba perahu layar tiga wilayah

BANDAR BRUNEI — Perlumbaan perahu layar tahunan Antara Pelabohan Borneo akan di-adakan di-Kota Kinabalu dari 4 hingga 6 April 1969.

Pasokan2 dari Sandakan, Kota Kinabalu, Kuala Belait dan Brunei akan bertanding untuk merebut Piala Hales dan Piala Dusty Miller.

Kelab Perahu Layar Di-Raja Brunei ada-lah pemegang Piala Hales dan Kelab Bot Miri-Belait ada-lah pemegang Piala Dusty Miller.

Pasokan Kelab Perahu Layar Brunei akan diketuai oleh Awang C.E.B. Parrott.

kali-nya di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-adakan pada 7 Februari lepas di-43 buah pusat pepercakaan di-seluruh negeri ini.

Sa-ramai 523 chalu, termasuk 270 orang chalu wanita telah menyertai pepercakaan tersebut.

Dari Daerah Brunei-Muara sa-ramai 201 telah berjaya, 96 orang dari Daerah Belait 37 dari Daerah Tutong dan 24 dari Daerah Temburong.

Sa-ramai 13 orang chalu dari Khemah Tahanan Berakas telah lulus dalam peringkat menengah.

LAWATAN PELADANG

KILANAS. — Anggota2 Persatuan Peladang Kampong Belaban di-Daerah Temburong telah melawat Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lepas.

Lawatan itu ia-lah untuk membolehkan mereka melihat chara berchuchok tanam yang moden dan mereka juga telah menyaksikan chara2 menanam padi yang baik dan memelihara ikan, penyeboran ubat2 tumbuh2an dan kawalan penyakit dan penggunaan baja.

Peladang2 itu juga telah melawat Pusat Pertanian Jerudong dan Ladang Sharikat Minyak Shell di-Senaut.

Pengorekan minyak di-laut di-mulakan

SERIA — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah memulakan kerja2 mengorek di-kawasan pantai yang di-pajakkan kepada sharikat itu oleh kerajaan awal tahun lalu.

Sa-orang juruchakap Shell berkata, sa-telah di-berikan oleh kerajaan, kerja2 penyelidikan telah di-jalankan di-sepanjang tahun itu dan sharikat tersebut sekarang menjalankan ujian2 hasil dari penyelidikan itu.

Sementara itu Sharikat Minyak Sunray Borneo di-jangka memulakan kerja2 mengorek telaga ujian-nya yang pertama di-Daerah Tutong — kawasan yang di-pajakkan kepada Perbadanan Napapis dan Minyak Clark Brunei.

Tempat2 di-jalankan pengorekan itu ia-lah di-kawasan Lamunin.

Sa-buah sharikat dari Australia, Oil Drilling dan Exploration Company akan menjalankan kerja2 mengorek bagi pehak Sharikat Sunray.

Alat mengorek akan tiba dari Australia awal bulan hadapan.